

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman wang Perbendaharaan bagi tempoh 2001 hingga kini yang telah diberikan melebihi 100 juta bagi setiap pinjaman. Nyatakan juga kadar faedah yang dikenakan, tempoh pembayaran balik serta status pembayaran balik setiap pinjaman tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 30 April 2015, jumlah pinjaman yang telah diberi mulai tahun 2001 dan melebihi RM100 juta adalah sebanyak 104 pinjaman dengan nilai RM31,319 juta. Jumlah

bayaran balik pinjaman yang telah diterima bagi pinjaman tersebut adalah sebanyak RM2,670 juta, manakala baki pinjaman belum selesai adalah sebanyak RM30,028 juta.

Kadar faedah yang dikenakan bagi setiap pinjaman adalah di antara 0 hingga 4 peratus dan tempoh bayaran balik adalah mulai tahun 2004 hingga 2038. Jumlah pinjaman mengikut kategori adalah seperti berikut:

Bil	Kategori	Bilangan Pinjaman	Jumlah (RM)
1.	Negeri	24	5,103 juta
2.	Syarikat	45	11,655 juta
3.	Badan Berkanun	24	13,093 juta
4.	Koperasi	1	100 juta
5.	Pelbagai	10	1,368 juta
	Jumlah	104	31,319 juta

Perincian lengkap pinjaman Kerajaan Persekutuan yang melebihi RM100 juta bagi tempoh 2001 hingga 30 April 2015 adalah seperti di LAMPIRAN 1 hingga LAMPIRAN 6.